

KPM diminta teliti penawaran program pengajian di UMS Sandakan

UB 16.7.2019 A5

Oleh YUSOP TEPPO


SANDAKAN: Ahli Parlimen Sandakan Vivian Wong Shir Yee (*gambar*) meminta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melihat secara teliti berhubung keperluan penawaran program pengajian di Kampus Fakulti Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terletak di Hab Pendidikan, Jalan Sungai Batang, Batu 10, di sini.

"KPM perlu meneliti penawaran program pendidikan yang lebih mendapat permintaan pelajar di pantai timur Sabah terutamanya di Sandakan agar mereka dapat melanjutkan pengajian di Kampus Fakulti Pertanian Lestari UMS Sandakan mengikut pilihan mereka.

"Saya difahamkan, Fakulti Pertanian Lestari UMS Sandakan itu ketika ini hanya menawarkan tiga program untuk mahasiswanya iaitu Crop Production, Horticulture and Landscaping, dan Live Stock Production," jelasnya.

Beliau berkata program-program itu tidak mencapai keperluan atau menjadi pilihan pelajar dan juga difahamkan ia menyebabkan ramai anak Sandakan terpaksa meninggalkan daerah ini untuk melanjutkan pendidikan mereka di tempat lain selepas menamatkan sekolah menengah.

"UMS telah menubuhkan Fakulti Pertanian Lestari di kampus Sungai Batang di Sandakan pada tahun 2006.



"Bagaimanapun, setakat ini hanya beberapa program ditawarkan kepada mahasiswa dan ini mengakibatkan kadar pendaftaran yang amat rendah berikutan ia bukan pilihan pelajar," katanya.

Vivian percaya jika KPM atau pihak universiti berhasrat untuk membuat penyelarasan dengan membuka program pilihan, maka akan lebih ramai kalangan mahasiswa dapat melanjutkan pengajian mereka UMS Sandakan dan pengambilan pelajar juga akan dipertingkat.

"Kos yang ditanggung ibu bapa di pantai timur Sabah terutamanya di Sandakan juga lebih murah sekiranya anak-anak mereka melanjutkan pengajian mereka di UMS Sandakan. Beban kos yang ditanggung berkurban-gan berbanding melanjutkan pengajian ke luar Sandakan atau luar negeri Sabah," katanya.

Beliau menyatakan hal itu kepada Timbalan Menteri KPM semasa berada di dalam kamar khas di Parlimen.

Di samping itu, Vivian menyatakan isu penghijrahan

anak tempatan yang semakin serius di Sandakan, di mana kebanyakan lepasan SPM dan STPM dari Sandakan terpaksa meninggalkan daerah ini untuk melanjutkan pendidikan mereka di tempat lain seperti Kota Kinabalu, Miri, Kuching, Kuala Lumpur, Singapura atau Australia.

Beliau berkata, situasi itu juga menyebabkan anak-anak di Sandakan sukar mencari pekerjaan dan harus mencari pekerjaan di tempat lain untuk menyara hidup selepas tamat pembelajaran mereka.

Sebagai maklum balas kepada seruan Vivian, Timbalan Menteri Pelajaran Teo Nie Ching berkata pada masa ini seramai 398 pelajar sedang mengikuti pengajian dalam peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran (PhD) di UMS Sandakan.

"UMS Kampus Sandakan juga ketika ini mampu menampung 1,000 pelajar dalam satu-satu masa," katanya.

Teo berkata, di Malaysia terdapat 20 universiti awam, 36 politeknik dan 102 kolej komuniti di seluruh negara.

Buat masa ini, Teo menjelaskan KPM juga sedang menumpukan perhatian dan usaha untuk mengukuhkan kualiti institusi pengajian tinggi tempatan.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan juga prihatin terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Vivian dan akan menerima serta mempertimbangkan cadangan beliau dengan teliti supaya dapat memenuhi keperluan rakyat.